

19/03/2003

SAR: Jawatankuasa Khas dengar syor pelbagai pihak

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan kerajaan bagi mengkaji isu pendidikan Islam dan fungsi sekolah agama rakyat (SAR) sedia mendengar pandangan semua pihak bagi memperbetulkan sebarang kepincangan tanpa unsur politik.

Pengerusinya, Tan Sri Murad Mohamed Noor, berkata pihaknya juga sedia mendengar pandangan Pas jika parti itu mengemukakan idea atau memorandum demi kepentingan pendidikan Islam.

"Matlamat utama kajian yang kita sedang buat adalah untuk kepentingan pelajar, bukan kepentingan mana-mana pihak dan ia dilakukan secara akademik, profesional dan bertanggungjawab.

"Malah, jawatankuasa ini turut memanggil pakar dalam bidang tertentu yang berkaitan bagi memberi input tetapi bukan di kalangan orang politik,"

katanya kepada Berita Harian, semalam.

Kelmarin, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata kementerianannya akan mencadangkan dua pilihan kepada SAR sama ada mendaftar mengikut Akta Pendidikan 1996 sebagai institusi pendidikan agama swasta atau menjadi sekolah bantuan kerajaan.

Musa berkata, cadangan itu akan dikemukakan kepada jawatankuasa yang dipengerusikan Murad yang juga bekas Ketua Pengarah Pendidikan.

Jawatankuasa itu ditubuhkan kerajaan akhir tahun lalu bagi mengkaji isu pendidikan Islam dan fungsi SAR serta mengenal pasti usaha untuk memperkasakan sekolah kebangsaan.

Murad berkata, cadangan itu sudah diterimanya dan sedang dikaji, tetapi setakat ini beliau tidak menerima sebarang cadangan daripada pihak lain termasuk Pas.

"Kepada saya tidak ada dan jika ada pun (memorandum Pas), mungkin dihantar terus kepada sekretariat jawatankuasa ini di Putrajaya. Jika ada, kita bersedia untuk mengkajinya," katanya.

Beliau berkata, jawatankuasa itu akan berusaha untuk menyiapkan kajian dan laporan berkaitan dalam masa tiga atau empat bulan lagi meskipun tiada tempoh tertentu diberikan.

Katanya, apabila siap laporan itu akan diserahkan terus kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk tindakan lanjut.

Murad berkata, pihaknya masih memerlukan banyak input serta butiran lanjut kerana kajian dibuat dengan teliti berdasarkan kepada tajuk tertentu dan pandangan pakar.

"Misalnya dalam kes SAR, kita akan mendapat pandangan daripada mereka yang pakar dalam bidang itu tidak kira sama ada mereka itu berada dalam kerajaan atau di sektor swasta," katanya.

Mengenai kenyataan Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang

yang menafikan dakwaan Kementerian Pendidikan bahawa prestasi pelajar SAR

lebih rendah berbanding pelajar sekolah kebangsaan, beliau berkata, itu terpulang kepada mana-mana pihak untuk membuat tafsiran.

"Hakikatnya, perangkaan yang ada pada saya menunjukkan memang prestasi pelajar SAR tidak begitu baik," katanya.